

HARI : JUMAAT  
 TARikh : 8/11/2019  
 M/SURAT : 12A



PASUKAN PPM Wilayah 5 Sibu menahan sebuah kapal membawa minyak diesel dipercaya tanpa lesen atau permit sah di perairan Sungai Antu, Batang Igan, Sibu.

## Rampasan diesel RM919,000



**Sibu:** Pasukan Polis Marin (PPM) Wilayah 5 Sibu memrampas 100,000 liter minyak diesel yang dipercaya dimiliki tanpa lesen atau permit sah dianggarkan bernilai RM919,000 selepas menahan sebuah kapal di perairan Sungai Antu, Batang Igan, pagi kelmarin.

Komander PPM W5 Sarawak, Asisten Komisioner Shamsol Kassim berkata, penahanan dilakukan jam 11.25 pagi oleh seorang pegawai PPM bersama tiga anggota yang melancarkan operasi di kawasan terabit.

"Hasil pemeriksaan, pasukan kami menemui minyak diesel yang disimpan dalam tangki kapal itu.

"Dua lelaki tempatan yang berada di dalam kapal terabit turut ditahan selepas gagal mengemukakan permit dan surat kebenaran memiliki atau menyimpan minyak dari pi-

"Kedua-dua suspek dan barang rampasan diserahkan kepada pihak KPDHEP Cawangan Sibu, untuk tindakan lanjut"

Shamsol Kassim

hak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPD-NHEP)," kataanya menerusi satu kenyataan semalam.

Katanya, kedua-dua suspek didapati melakukan kesalahan mengikut Seksyen 20 (1) Akta Kawalan Bekalan 1961.

"Kedua-dua suspek dan barang rampasan diserahkan kepada pihak KPDHEP Cawangan Sibu, untuk tindakan lanjut," tegasnya.